

## ANALISIS FAEDAH INTEGRITI BAHASA MELAYU DALAM PENJANAAN INTEGRASI NASIONAL

### ANALYSIS OF LANGUAGE INTEGRITY BENEFITS TO GENERATE NATIONAL INTEGRATION

Adenan Ayob

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Accepted Date:** 11 December 2017

**Published Date:** 15 April 2018

**To cite this document:** Ayob, A. (2018). Analisis Faedah Integriti Bahasa Melayu Dalam Penjanaaan Integrasi Nasional *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), 18-27.

---

**Abstrak:** Integriti bahasa Melayu adalah penting diterapkan dalam segala aspek kehidupan bermasyarakat khususnya yang berkait rapat dengan penjanaaan integrasi nasional. Para sarjana bidang psikolinguistik telah menjalankan kajian terhadap integriti bahasa dengan cara mengesan proses minda atau otak manusia memperoleh, memahami, menyimpan dan menerbitkan atau menghasilkannya. Objektif pertama kajian ini adalah untuk menganalisis integriti bahasa Melayu terhadap penjanaaan integrasi nasional. Objektif kedua pula adalah untuk mengenal pasti cara yang sesuai untuk meningkatkan integriti bahasa Melayu sebagai asas budaya terhadap penjanaaan integrasi nasional. Kaedah analisis kandungan digunakan dengan berasaskan reka bentuk kajian kualitatif digunakan untuk menjawab soalan kajian ini. Analisis pendapat tokoh-tokoh bahasa, budaya dan kebudayaan dilakukan dengan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah seperti buku dan laporan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integriti bahasa Melayu menjadi teras utama dalam penjanaaan integrasi nasional menerusi konteks perhubungan serta persefahaman antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Dasar-dasar yang dibentuk oleh pemerintah adalah amat penting dalam memastikan integriti bahasa Melayu sentiasa dinobatkan sebagai bahasa tertinggi dalam komunikasi. Saranan yang penting ke arah lonjakan integriti bahasa Melayu adalah dengan memperteguh kebudayaan kebangsaan dari aspek penghasilannya, di samping memperjelas kedudukannya dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Kata Kunci:** Faedah integriti bahasa Melayu, Penjanaaan integrasi nasional, Penghasilan integriti bahasa Melayu, Komunikasi.

**Abstract:** Integrity of the Malay language is important to be applied in all aspects of community life, not to mention the element is closely related to the realization of the spirit of true unity. Psycholinguistic scholars have conducted studies on language integrity by tracking the process of the mind or human brain acquiring, understanding, storing and publishing it. The objective of

*this study was to formulate the integrity of the Malay language in the culture of unity generation. This study also identifies the appropriate ways to enhance the integrity of the Malay language as the basis of culture of fusion unity in racial diversity in the country. Content analysis methods based on qualitative designs are used to achieve the objectives of this research. Analytical opinion of language, cultural and cultural figures is done by reference to scientific materials such as books, monographs, and reports. The findings show that integrity of Malay language is the main thrust of generating relationships and understanding between one community and another. The policies set up by the government are crucial in ensuring the integrity of the Malay language has always been the highest language of communication. An important recommendation towards the surge in integrity of the Malay language is to reinforce national culture in terms of its publication, as well as clarify its position in the Federal Constitution.*

**Keywords:** *The benefits of Malay language integrity, The creation of national integration, The outcome of Malay language integrity, Communication.*

---

## **Pendahuluan**

Didapati bahawa integriti bahasa Melayu sering dibicara dan dipaparkan dalam media massa oleh pihak kerajaan. Tujuannya adalah terarah kepada usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang integriti bahasa Melayu dalam konteks atau senario perpaduan. Integriti bahasa Melayu wajar diaplikasikan atas sesuatu hasrat dan aspirasi, terutamanya yang menyentuh integrasi nasional. Terdapat beberapa contoh dalam pelaksanaan program yang berkaitan, seperti Bulan Bahasa Kebangsaan dan Kempen Bahasa Jiwa Bangsa. Fungsinya adalah berkisar kepada usaha untuk menerangkan integriti bahasa Melayu kepada masyarakat yang pelbagai keturunan.

Adalah nyata bahawa pelbagai cara halus telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memperkukuh integriti bahasa Melayu dalam mengorak integrasi nasional. Malangnya masih wujud sesetengah golongan masyarakat yang bersikap acuh tidak acuh, selain bertindak sambil lewa sahaja dalam mengaplikasikan hasrat atau aspirasi tersebut. Kesannya, integriti bahasa Melayu ke arah pembangunan masyarakat yang berteraskan integrasi nasional hanya dipandang remeh.

## **Latar Belakang Kajian**

*Yang kurik itu kundi,  
Yang merah itu saga,  
Yang cantik itu budi,  
Yang indah itu bahasa.*

Ternyata bahawa begitu indah integriti bahasa Melayu sehingga mencetuskan kehalusan estetika. Daripada banyak faktor, integriti bahasa Melayu muncul sebagai faktor yang mendominasi dan menggerakkan landasan yang kukuh terhadap penjanaan integrasi nasional dalam masyarakat majmuk sejak negara mencapai kemerdekaan. Pengiktirafan yang diberikan kepada integriti bahasa Melayu pasti mengungkap keistimewaan tersendiri yang menyebabkan wujud keupayaan dalam menjunjung kredibiliti masyarakat Malaysia apabila teras penjanaan integrasi nasional tercetus. Dari segi konsep, integriti bahasa Melayu yang menginjak teras perpaduan bangsa di

Malaysia dapat dikaitkan sebagai bahasa utama yang berfungsi sebagai wahana kebangsaan serta perantaraan lisan atau tulisan, selain berupaya menjadi nadi penyatuan masyarakat berbilang bangsa di negara ini (Adenan Ayob, 2009).

Apakah sebabnya integriti bahasa Melayu terserlah dalam integrasi nasional? Sejarah telah membuktikan bahawa integriti bahasa Melayu telah menampilkan status *lingua franca* atau bahasa komunikasi teras sejak zaman kesultanan Melayu Melaka, iaitu pada abad ke-15 dahulu. Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas dalam bidang perdagangan, selain berfungsi hebat ke arah perhubungan diplomatik. Permuafakatan pelbagai kaum juga dapat dirakam dalam bentuk dokumen tertinggi yang luhur, iaitu menerusi Perlembagaan Negara dengan berpandukan Perkara 152. Jelas bahawa integriti bahasa Melayu telah memperoleh pengiktirafan semua kaum sebagai bahasa cerminan bangsa di Malaysia (Abdullah Sani Yahaya, 2003). Integriti bahasa Melayu turut dikongsi serta dinikmati bersama ke arah pencapaian matlamat integrasi nasional yang tulen.

Apakah caranya pula bahasa Melayu boleh berfungsi secara berterusan sebagai bahasa penjana integrasi nasional? Sebenarnya, kupasan terhadap soalan tersebut dapat disingkap daripada kedudukan dalam integriti yang terdapat dalam bahasa Melayu. Integriti bahasa Melayu telah menjadi lambang perpaduan bagi seluruh bangsa di Malaysia. Kedudukan ini pula diperkukuh oleh penggunaan bahasa Melayu yang tidak pernah disangsikan oleh kaum-kaum yang lain. Alasan yang kuat adalah dikaitkan dengan faktor yang tersirat dalam integriti bahasa Melayu yang tidak dianggap sebagai ancaman kepada mana-mana kaum (Abdullah Hassan, 1987). Kesannya, integriti bahasa Melayu tidak menyebabkan bahasa ibunda kaum-kaum lain terancam.

Rahsia tersembunyi dalam integriti bahasa Melayu juga masih tetap diyakini sebagai bahasa perpaduan. Pernyataan ini adalah berasaskan jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang telah menunjukkan bahawa bahasa-bahasa lain masih boleh digunakan. Oleh itu, nilai yang ada pada bahasa-bahasa lain juga boleh dianggap sebagai satu keistimewaan untuk turut berkembang (Adenan Ayob, 2009).

Satu kempen, iaitu Gerakan Cintailah Bahasa Kita yang telah dilancarkan pada 11 Disember 1987 memaparkan bukti awal yang serius oleh pihak kerajaan dalam mengangkat martabat integriti bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi paling utama untuk berbagai-bagai kaum. Sejak itu, banyak aktiviti dalam program kebahasaan telah membabitkan penglibatan semua kaum. Ekoran itu, integriti bahasa Melayu yang merupakan satu jalinan bahasa telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi dalam komunikasi teras, selain mampu melonjakkan identiti masyarakat majmuk menerusi model integrasi perpaduan bertaraf global (Fadzilah Abdullah, 1996).

### **Pernyataan Masalah**

Banyak sarjana bahasa Melayu deskriptif begitu tertarik untuk mengkaji dan menghuraikan integriti bahasa Melayu berasaskan sistem ilmu bahasa. Kajian lebih tertumpu kepada aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan makna (Abdullah Hassan, 1987). Kajian tentang integriti bahasa juga banyak terarah kepada aspek-aspek yang bukan dalam lingkungan kehidupan masyarakat (Fadzilah Abdullah, 1996; Adenan Ayob, 2009). Misalnya, sarjana-sarjana sosiolinguistik sering melakukan kajian tentang fungsi sosial bahasa. Ini termasuk cara bahasa

digunakan seharian dalam kalangan masyarakat, selain prosedur pembentukan makna berasaskan konteks integrasi nasional.

Perkara paling ketara, kebanyakan kajian tidak memberikan ruang kepada kepentingan-kepentingan yang terdapat dalam integriti bahasa Melayu untuk menggerakkan cara hidup yang berpegang kepada konsep perpaduan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum (Adenan Ayob, 2009). Abdullah Sani Yahaya (2003) mengulas bahawa tidak terdapat juga kajian yang benar-benar memberikan pandangan tentang realiti dalam integriti bahasa Melayu yang boleh diungkap sebagai landasan untuk penjanaaan integrasi nasional yang mantap.

Jelasnya, integriti bahasa Melayu mempunyai hubungan yang teguh dengan konsep integrasi nasional. Justeru, kajian ini cuba mengkaji kepentingan integriti bahasa Melayu dalam perpaduan yang membabitkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Kajian ini juga cuba mengenal pasti cara-cara yang sesuai untuk meningkatkan asas budaya yang berteraskan integriti bahasa Melayu. Tujuannya adalah terarah kepada penjanaaan integrasi nasional.

### **Objektif Kajian**

Daripada pernyataan masalah, objektif umum kajian ini digubal untuk mengkaji integriti bahasa Melayu dalam perpaduan yang membabitkan masyarakat yang berbilang kaum. Objektif khusus kajian ini pula adalah untuk:

- i. Menganalisis faedah-faedah integriti bahasa Melayu terhadap penjanaaan integrasi nasional.
- ii. Mengenal pasti cara-cara yang sesuai untuk meningkatkan asas budaya yang berteraskan integriti bahasa Melayu terhadap penjanaaan integrasi nasional.

### **Soalan Kajian**

Soalan kajian ini digubal dengan berasaskan kedua-dua objektif khusus. Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah faedah-faedah integriti bahasa Melayu terhadap penjanaaan integrasi nasional yang dianalisis?
- ii. Apakah cara-cara yang sesuai untuk meningkatkan asas budaya yang berteraskan integriti bahasa Melayu terhadap penjanaaan integrasi nasional?

### **Kepentingan Kajian**

Asas yang penting bagi kajian ini berhalatujukan penampilan inegriti bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ini menunjukkan bahawa integriti bahasa Melayu telah berubah tarafnya daripada bahasa kebangsaan bangsa Melayu kepada bahasa kebangsaan negara Malaysia. Perubahan taraf ini mempunyai kepentingan terhadap proses sosiobahasa dan sosiobudaya yang melambangkan keharmonian hidup semua kaum untuk berkongsi satu bahasa, iaitu bahasa Melayu. Perubahan taraf ini juga bermaksud bahawa integriti bahasa Melayu lebih berfokuskan inti pati perpaduan nasional dalam mencapai cita-cita luhur. Tujuannya adalah untuk memajukan taraf kehidupan yang menjamin kesejahteraan masyarakat. Perubahan taraf ini juga melambangkan identiti Malaysia yang merentas segala sempadan dan kepentingan kaum. Ada yang beranggapan bahawa integriti bahasa Melayu tidak mempunyai kekuatan sebagai alat

pembangunan negara, tetapi hanya sebagai simbol. Justeru, kepentingan kajian ini memungkinkan timbulnya anggapan positif bahawa integriti bahasa Melayu mampu menjana kesinambungan cemerlang dalam cetusan proses komunikasi yang luas demi menggerakkan perpaduan nasional yang utuh.

Integriti bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan masyarakat yang berbilang kaum tidak dipisahkan daripada proses pembangunan negara. Dasar bahasa kebangsaan mengandaikan bahawa bahasa Melayu di peringkat nasional dapat dimajukan sebagai alat untuk menyatupadukan masyarakat yang pelbagai keturunan. Kepentingan kajian ini turut membuka ruang kepada penerokaan matlamat yang lebih mudah dicapai kerana prosesnya tidak melibatkan sentimen dan emosi, tetapi semata-mata berdasarkan keinstrumentalan integriti bahasa Melayu untuk memainkan peranan sebagai bahasa perpaduan negara yang mantap. Seterusnya adalah untuk pembangunan negara secara umumnya.

Bagi kajian ini juga, kepentingan turut disasarkan kepada alasan yang paling kuat, iaitu bahasa Melayu mempunyai nilai tambah yang cukup kuat yang tidak terdapat pada bahasa-bahasa lain. Pertama, integriti bahasa Melayu menjana jalinan erat dalam perhubungan antara kaum dalam pelbagai peringkat dan bidang atau ranah komunikasi sosial, iaitu budaya khususnya. Ini termasuk politik, perdagangan dan sebagainya. Tegasnya, integriti bahasa Melayu wajar dipertahankan demi kepentingan mewujudkan perpaduan nasional yang mutlak supaya dapat menggambarkan kesejahteraan masyarakat yang terdiri daripada kaum yang pelbagai.

Dalam kajian ini juga, kepentingan menjurus kepada pembentukan aspirasi kerajaan untuk memaparkan potensi atau kelebihan yang banyak dalam integriti bahasa Melayu untuk terus dipertahankan secara rasional dan profesional. Tujuannya adalah untuk menggerakkan integriti bahasa Melayu ke arah pembangunan dalam berbagai-bagai bidang yang menjurus kepada petunjuk kemantapan sosiobahasa dan sosiobudaya. Asas daripada kepentingan kajian ini turut membuka ruang kepada penggubalan strategi dan matlamat akhir, iaitu menyatupadukan masyarakat yang berbilang keturunan menerusi penyerapan yang tersirat dalam integriti bahasa Melayu.

Realitinya, kepentingan kajian ini mampu menggarab kedudukan integriti bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang dapat merentas sempadan budaya untuk digunakan sebagai wahana perpaduan nasional yang berfokus kepada kemajuan negara. Pelaksanaannya adalah dengan berpaksikan perpaduan yang unik dalam kehidupan masyarakat yang pelbagai kaum. Ini merupakan aset yang tersemam daripada integriti bahasa Melayu yang dianggap sebagai bahasa pembina dan penggerak integrasi nasional.

### **Sorotan Literatur**

Daripada aspek bahasa dan budaya, integriti bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi seperti yang tertera dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah menjadi asas penting kenegaraan dan kebangsaan. Sebagai bahasa kebangsaan, integriti bahasa Melayu menjadi lambang yang signifikan untuk kewujudan entiti budaya yang dikenal sebagai kebudayaan Malaysia (Adenan Ayob, 2009). Integriti bahasa Melayu menjadi asas jati diri bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan, termasuk menjadi penggerak perpaduan menerusi komunikasi dalam pelbagai bidang (Sufean Hussin, 2002). Sebagai bahasa

rasmi, integriti bahasa Melayu menjadi salah satu unsur penjana bangsa yang peranannya sebagai wahana komunikasi rasmi masyarakat dalam berbagai-bagai urusan sehingga kesepaduan dikaitkan dengan konteks integrasi nasional yang unik.

Integriti bahasa Melayu mampu mengisi maksud keperluan berbahasa. Pengisiannya adalah menerusi kesepaduan persefahaman dalam perpaduan untuk mencapai pembangunan negara yang berasaskan penampilan bahasa serta berteraskan jiwa satu bangsa, iaitu bangsa Malaysia. Aspek yang begitu diperhatikan dan wajar disedari oleh semua golongan masyarakat adalah tentang kejayaan sistem pendidikan negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah. Integriti bahasa Melayu yang disemaikan di sekolah lebih menjurus kepada pembentukan kesatuan sikap, pemikiran dan pandangan sarwa, khususnya kepada generasi muda di Malaysia, selain terbentuknya budaya berbahasa yang relatif seragam (Abdullah Sani Yahaya, 2003). Para sarjana bahasa Melayu meneliti pergerakan ini sebagai pemerhatian kehidupan alam persekolahan tentang cara yang diharap-harapkan dengan berasaskan integriti bahasa Melayu untuk menjadi landasan ke arah pembentukan ketulenan sikap dan pemikiran intelek anak didik.

Asas pada kesedaran juga perlu wujud dalam mengekang bahasa utama sesuatu bangsa pudar dan pupus. Ini adalah kesedaran dan kewaspadaan untuk terus lestarikan bahasa sebagai petunjuk bangsa. Elakkan “hilang bahasa hilanglah bangsa”. Kesedaran ini lebih serius lagi jika dilihat dalam konteks Malaysia yang mengamalkan falsafah bahasa dan budaya untuk menghimpunkan semua bangsa bawah satu bahasa yang bermartabat (Tajul Ariffin Nordin, 1993).

Daripada unsur perpaduan, integriti bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat dapat menjamin pengamalan adat resam dan kebudayaan semua kaum secara stabil dan tekal. Cara ini boleh membawa kepada pembangunan insan dengan berasaskan kehidupan bermasyarakat dan bernegara demi merealisasikan budaya bertatasusila, bersopan-santun, harmoni dan saling menghormati (Abdullah Sani Yahaya, 2003).

### **Kaedah Kajian**

Kaedah analisis dokumen berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini untuk mengkaji integriti bahasa Melayu terhadap integrasi nasional. Beberapa bahan ilmiah seperti buku dan laporan telah dianalisis secara analitikal untuk menjawab kedua-dua soalan kajian.

### ***Cara Analisis Data***

Semua data berdasarkan analisis kandungan dipaksikan kepada senarai semak analisis integriti bahasa Melayu yang disesuaikan daripada pandangan Lisa (2008) dalam kaedah penyelidikan kualitatif. Senarai semak ini ialah instrumen khusus untuk pemungutan data tentang integriti bahasa Melayu terhadap penjanaan integrasi nasional. Data-data dikumpulkan secara tematik dan berkod. Tema-tema kajian telah diberikan subtema tertentu menerusi kod verbatim.

### **Dapatan Kajian**

#### ***Apakah faedah-faedah integriti bahasa Melayu terhadap penjanaan integrasi nasional?***

Faedah asas integriti bahasa Melayu digerakkan atas pembinaan negara dan kebudayaan masyarakat. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah memainkan peranan penting untuk

menjamin integriti bahasa Melayu sebagai pemantap integrasi nasional. Sesungguhnya Perkara 152 telah mengiktiraf dan mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa rasmi negara. Hal ini demikian kerana faedah integriti bahasa telah dicetuskan oleh keperluan satu bahasa sebagai panduan menggiatkan komunikasi dalam penjanaaan perpaduan yang lebih harmoni (Adenan Ayob, 2009).

Integriti bahasa Melayu juga dianalisis faedahnya dari segi pembentukan lambang jati diri bangsa berlandaskan budaya kaum yang tertentu. Bahasa Melayu telah dipilih untuk membentuk lambang jati diri setiap warganegara Malaysia. Hal ini sangat diperlukan kerana setiap negara mempunyai bahasa sendiri. Misalnya, negara Jepun menggunakan bahasa Jepun, negara Jerman menggunakan bahasa Jerman, dan negara Perancis menggunakan bahasa Perancis. Oleh hal yang demikian, integriti bahasa Melayu turut bermanfaat ke arah cerminan lambang jati diri pemantapan perpaduan kebangsaan. Integriti bahasa Melayu telah dapat memenuhi maksud kemajuan mengikut acuan yang tulen, seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020 (Abdullah Sani Yahaya, 2003).

Faedah integriti bahasa Melayu berikutnya dianalisis pada pemilihannya oleh kaum majoriti, iaitu Melayu dalam penjanaaan bahasa perpaduan. Integriti bahasa Melayu yang asalnya digunakan oleh kaum Melayu begitu mudah diterima sebagai bahasa dalam komunikasi atas alasan senang ditutur dan difahami oleh setiap kaum (Abdullah Hassan, 1987). Bagi merealisasikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan agen perpaduan negara, Penyata Razak telah dijadikan asas dalam Ordinan Pelajaran 1957. Menurut penyata tersebut, integriti bahasa Melayu dalam pendidikan dapat digunakan sebagai alat untuk meningkatkan persefahaman dalam perpaduan kebangsaan antara satu golongan masyarakat dengan satu golongan masyarakat yang lain.

***Apakah cara-cara yang sesuai untuk meningkatkan asas budaya yang berteraskan integriti bahasa Melayu terhadap penjanaaan integrasi nasional?***

Bagi menjawab soalan di atas, analisis kajian menunjukkan bahawa integriti bahasa Melayu telah menggerakkan dasar ilmu dan pengetahuan. Kekuatan integriti bahasa Melayu sebagai dasar ilmu dan pengetahuan tercetus pada awalnya daripada Laporan Razak. Penyemakan pelaksanaan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyemak Rahman Talib juga telah menghasilkan integriti bahasa Melayu dalam perkembangan bahasa kebangsaan, selain diberikan tempat sebagai wahana pengantar ilmu pengetahuan yang berkembang moden, selain berfungsi sebagai asas pembinaan negara bangsa yang maju dan berdaulat dengan berpaksikan perpaduan nasional (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1984).

Integriti bahasa Melayu juga perlu dilihat dari segi fungsinya dalam pelbagai kesantunan (Adenan Ayob, 2009). Dalam hal ini, integriti bahasa Melayu dapat berfungsi lebih aktif sebagai bahasa kebangsaan untuk mencerminkan estetika keluwesan yang menjadi pengukur utama kesantunan budaya dalam komunikasi masyarakat yang pelbagai kaum di negara ini. Integriti bahasa Melayu memang memiliki ciri istimewa, selain terkenal dengan penampilan budaya ketimuran dalam komunikasi lisan dan bukan lisan oleh pelbagai kaum seperti lemah lembut, beradab dan berbudi bahasa. Oleh sebab itu, semua kaum telah menjana budaya perpaduan bangsa dengan berteraskan pembakuan bahasa yang dikatakan mempunyai nilai estetika dan kesantunan yang tinggi atau mencorakkan eufemisme (Sheela Abraham, 2003).

## **Perbincangan**

Fungsi yang termaktub dalam integriti bahasa Melayu sebagai satu bahasa dan juga merupakan dasar ilmu dan pengetahuan mampu terus menyemarakkan integrasi nasional di Malaysia dengan membawa dimensi baharu menerusi arena kebahasaan. Dapatan kajian tentang faedah integriti bahasa Melayu sebagai satu bahasa dan dasar ilmu dan pengetahuan untuk perpaduan semua kaum telah turut dibincangkan oleh Tajul Ariffin Nordin (1993). Tajul Ariffin Nordin menambah bahawa integriti bahasa Melayu yang mencapai taraf sebagai satu bahasa dalam masyarakat majmuk, selain merupakan dasar ilmu dan pengetahuan perlu mempunyai dua ciri penting, iaitu keintelektualan dan kesempurnaan.

Perkara tentang keintelektualan dalam integriti bahasa Melayu perlu mempunyai keupayaan menyampaikan buah fikiran dan hujah menerusi komunikasi perpaduan secara berkesan serta tepat, iaitu mampu menyampaikan kesinambungan fikiran tanpa melalui pelbagai rintangan (Sufean Hussin, 2002). Kesempurnaan integriti bahasa Melayu dalam aspek ilmiah pula harus mempunyai sistem dan peraturan yang lengkap, iaitu sifat-sifat kestabilan, kelenturan, kepelbagaian, keberkesanan dan keindahan dalam komunikasi yang boleh mencetuskan persefahaman. Pencapaian taraf keintelektualan dalam integriti bahasa Melayu menjadi lebih nyata apabila digunakan sebagai bahasa ilmiah dalam komunikasi perpaduan (Abdullah Hassan, 1987).

Integriti bahasa Melayu bukan sahaja mampu menyampaikan pelbagai ilmu pengetahuan, malah berupaya memikul tanggungjawab yang besar sebagai bahasa kesatuan kaum di Malaysia. Hasil kajian tentang integriti bahasa Melayu dalam penggemblengan ilmu pengetahuan turut dibuktikan sejak sekian lama menerusi perpaduan yang kukuh dan persefahaman kaum yang kuat dalam kalangan masyarakat (Alisjahbana, 1975). Suasana sosiobudaya dan sosiobahasa juga turut stabil, sekali gus merencanakan lagi pembangunan negara. Secara ringkasnya, ini adalah berkat integriti bahasa Melayu yang mempunyai asas yang kuat sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara ini sejak awal tahun 70-an.

Integriti bahasa Melayu mampu menjadi teras perpaduan bangsa Malaysia jika digunakan secara bersama dan meluas. Integriti bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa basahan, namun bahasa rasmi dan tidak rasmi dalam menjana perpaduan masyarakat. Justeru, integriti bahasa Melayu yang diaplikasikan dalam perpaduan telah menjangkau ke peringkat antarabangsa (Sheela Abraham, 1993).

Perkembangan dunia bahasa semakin pesat dan masyarakat semakin maju serta berpengetahuan. Justeru, integriti bahasa Melayu ditinjau mempunyai tahap keterbukaan dan toleransi yang begitu tinggi kepada kemasukan isitilah-istilah baharu dan kata asing. Dinamika ini amat diperlukan untuk memastikan integriti bahasa Melayu terus bertahan sebagai satu bahasa yang melambangkan jiwa bangsa (Adenan Ayob, 2009) untuk menjamin keutuhan komunikasi dalam jalinan perpaduan sejagat.

Jelasnya, dalam konteks perpaduan di Malaysia, interaksi amat penting bagi menentukan hubungan kesantunan berbahasa antara satu golongan masyarakat dengan satu golongan masyarakat supaya dapat terus berlangsung atau dipertahankan. Oleh itu, perlu kelestarian luas berkenaan loghat, jargon, slanga, gurauan, cerita rakyat, budaya setempat dan sebagainya



disemai menerusi integriti bahasa Melayu. Asasnya, integriti bahasa Melayu membuka ruang kepada semua golongan masyarakat yang berbilang kaum untuk menyatakan perasaan, emosi, peribadi serta reaksi secara bersopan-santun (Abdullah Hassan, 1987).

Tegasnya, dasar-dasar yang digubal oleh para pemimpin negara telah berjaya melaksanakan semua perakuan tentang kepentingan pembentukan perpaduan menerusi bahasa. Sejarah bermula daripada penggubalan Penyata Razak (1956) mengenai pendidikan bahasa. Langkah susulan adalah dengan mengambil kira perakuan-perakuan dalam perkara yang sama dalam laporan-laporan berikutnya seperti Laporan Barnes, Feng Wu dan Rahman Talib. Selain itu, dasar bahasa kebangsaan dan pendidikan yang telah dibentangkan oleh pihak kerajaan bertujuan memantapkan bahasa Melayu sebagai wahana perpaduan bangsa (Abdullah Sani Yahaya, 2003).

### **Penutup**

Dalam Gagasan 1 Malaysia yang dicetuskan oleh Perdana Menteri telah menandakan bahasa perpaduan selangkah di hadapan. Perbezaan bahasa bukan lagi penghalang ke arah usaha murni kerajaan kerana rakyat Malaysia berada serumpun dalam satu bangsa dan satu bahasa dengan meniti gagah ke arah pencernaan gagasan tersebut. Nilai bahasa Melayu sebagai alat penyatuan bangsa harus dilihat dengan lebih telus memandangkan akar penyatuan kaum perlu diasaskan kepada kedudukan orang Melayu yang menjadi asas utama dalam pembentukan budaya bahasa di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, usaha meningkatkan integriti bahasa Melayu adalah satu tanggungjawab yang tidak boleh dipandang ringan oleh mana-mana pihak. Kemajuan dari segi budaya, komunikasi dan pendidikan membuatkan kedudukan integriti bahasa Melayu semakin tercabar dan terhimpit. Dalam usaha memisahkan integriti bahasa Melayu daripada kesempitan tersebut, masyarakat dan pemimpin wajar memainkan peranan penting untuk melaksanakan peraturan dan undang-undang ke arah memastikan integriti bahasa Melayu terus utuh berkembang untuk menjana integrasi nasional.

Oleh hal yang demikian, perlu dihalusi bahawa integriti bahasa Melayu telah dapat berfungsi amat baik dan berkesan sebagai bahasa perpaduan sehingga mampu mewujudkan persefahaman erat dalam kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini. Kemanfaatan ini tidak wajar dilupakan kerana dengan wujudnya hubungan yang mantap integriti bahasa dalam perpaduan dapat dipertingkatkan. Impaknya, negara dapat membangun dan maju berasaskan kerukunan dalam perpaduan. Jelasnya juga, Kebudayaan Kebangsaan mesti diperteguh menerusi kajian semula secara lebih mendalam terhadap nilai bahasa dan hubungannya dengan kesejatan integrasi nasional.

### **Rujukan**

- Abdullah Hassan (1987). *30 tahun perancangan bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani Yahaya (2003). *Perkembangan pendidikan di Malaysia*. Bentong, Pahang: PTS Pub. & Distributor Sdn. Bhd.
- Adenan Ayob (2009). *Bahasa kebangsaan*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Alisjahbana (1975). *Language planning for modernization: The case of Indonesia and Malaysia*, The Hague: Mouton and Co.

- Fadzilah Abdullah (1996). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: As Noordeen.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet (1984). *Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lisa M. Given (2008). *Qualitative research method*. London: SAGE Publication.
- Sheela Abraham (1993). *Sejarah perkembangan negara*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Teori dan Analisis. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Nordin (1993). *Perspektif falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.